

12 Mac 2015

Kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN ULANGAN PERSIJILAN RSPO BAGI KILANG KELAPA SAWIT KLK (S) RIMMER PALM OIL MILL**

Kuala Lumpur Kepong Berhad, sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan aktiviti pensijilan selaras dengan Program Persijilan Prinsip & Kriteria RSPO (Tafsiran Kebangsaan RSPO Prinsip dan Kriteria Pengeluaran Minyak Sawit Lestari Diiktiraf oleh Lembaga RSPO Gabenor pada 6 Mac 2015), RSPO SCCS (21 November 2014) bagi pengeluaran minyak sawitnya.

Penilaian persijilan menurut RSPO P&C 2013 akan bermula pada **23, 24 April 2015** dan **27 April 2015**.

|  |   |
|--|---|
| <b>Pemohon</b>                         | <b>Kuala Lumpur Kepong Berhad</b>   |
| <b>Butiran Kenalan</b>                 | <p>Mr. Sin Chuan Eng<br/> <b>Head of Sustainability (Plantations)</b></p> <p>Wisma Taiko,<br/>         1, Jalan S.P. Seenivasagam,<br/>         30000 Ipoh, Perak,<br/>         Malaysia<br/>         Tel: + 605-2417844<br/>         Fax: + 605-2412568<br/>         E-Mail: ce.sin@klk.com.my</p>   |
| <b>Maklumat pemohon secara ringkas</b> | <p>KLK adalah sebuah kumpulan perladangan yang terlibat di dalam aktiviti perladangan dan pengilangan kelapa sawit. Objektif utama KLK adalah untuk sentiasa berdaya saing dan mencapai pertumbuhan yang mampan di samping tidak mengenyahkan keutungan. KLK juga komited untuk mengekalkan keseimbangan antara kejayaan dan tanggungjawab sosial dan persekitaran.</p> |

| <b>Kilang Sawit untuk penilaian ini</b> |                        |  |                    |                 |   |                    |
|---|------------------------|--|--------------------|-----------------|---|--------------------|
| <b>Nama Kilang Sawit</b>                | <b>Kapasiti Kilang</b> | <b>Lokasi</b>  | <b>Rujukan GPS</b> |                 | <b>Ramalan Pengeluaran Tahunan (MT)</b> |                    |
| <b>(POM)</b>                            | <b>MT/Jam</b>          | <b>Alamat</b>  | <b>Longitude</b>   | <b>Latitude</b> | <b>CPO</b>                              | <b>Palm Kernel</b> |
| KLK (S) Rimmer POM                      | 45                     | KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah. | E 118.5715         | N 5.0193        | 32,531                                  | 7,953              |

| Pangkalan Bekalan BTS untuk penilaian ini |  |              |            |                        |         |                                       |
|---|--|--------------|------------|------------------------|---------|---------------------------------------|
| Nama Ladang                               | Lokasi   | Rujukan GPS  |            | Ringkasan Kawasan (Ha) |         | Anggaran Pengeluaran BTS Tahunan (MT) |
|   | Alamat   | Longitude    | Latitude   | Jumlah                 | Ditanam |                                       |
| Rimmer                                    | KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah. | E 118.570151 | N 5.020545 | 2,672                  | 2,672   | 60,191.400                            |
| Sg. Silabukan                             | KM 29, Jalan Lahad Datu – Tungku, Lahad Datu, Sabah. | E 118.592053 | N 5.003039 | 2,636                  | 2,636   | 76,444.000                            |
| <b>Total</b>                              |  |              |            | 5,308                  | 5,308   | 136,635.400                           |

\*Nota: Tanam semula & belum berhasil

Control Union Malaysia Sdn Bhd adalah anak syarikat Control Union World Group – Sebuah Syarikat Pemeriksaan dan Persijilan Antarabangsa. CUC menjalankan penilaian dan persijilan di pelbagai bidang pertanian seperti FSC, RSPO Pengeluaran Organic, Sustainable Textile Production, Organic Exchange, Globalgap, HACCP, BRC, GMP dan GTP. CUC adalah ditauliahkan secara rasmi oleh Dutch Council of Accreditation (RVA) dengan Standard Kualiti European EN 45011 untuk pemeriksaan dan persijilan bagi Program Organik CU (mengikut peraturan EU 2092/91) dan Program GLOBALGAP. Jika ada permintaan, salinan sijil pertauliahkan boleh didapati daripada CU.

Perundingan pihak-pihak yang berkepentingan adalah sesuatu yang penting dalam proses sertifikasi di mana semua pihak kepentingan diseru untuk memberitahu pandangan masing-masing dan memberi pandangan sama ada unit sertifikasi mematuhi kepada keperluan standard RSPO 2013.

Kami mengundang semua pihak-pihak yang berkepentingan untuk ikut serta dalam prosedur perundingan dimana anda dapat memberikan sumbangan yang positif atau sebaliknya kepada keputusan pensijilan. Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mail kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu di bawah ini:

- Perlindungan Persekitaran
- Pemuliharaan kepelbagaian Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini
- Salinan Standard RSPO untuk setiap negara, tersedia di laman [www.rsपो.org](http://www.rsपो.org). Atau hubungi Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk mendapatkan salinan tersebut

Sila ajukan komen anda kepada:

**Pejabat Control Union Malaysia**

Simon Selvaraj,  
**Program Manager,**  
150-A, 1<sup>st</sup> Floor, Persiaran Raja Muda Musa,  
Off Jalan Sungai Bertih, Teluk Gadong,  
41100 Klang, Selangor,  
Malaysia

E-Mail: [ssubramaniam@controlunion.com](mailto:ssubramaniam@controlunion.com)

Fax: +603 3377 1800

Maklumat terperinci mengenai pasukan audit:

**PENTAKSIR UTAMA**

**Mahaswaran Maliyappan (Lead Auditor)**

Terlibat dalam pengauditan RSPO sejak 2011. Mempunyai kelayakan sebagai ketua juruaudit utama dengan pengalaman lebih 5 tahun pengauditan untuk QMS, EMS, SA8000 dan OHSAS. Memahami dan fasih bahasa tempatan. Menjalani Kursus RSPO P & C dan RSPO SCCS Lead Auditor yang dianjurkan oleh RSPO.

**PENTAKSIR SOKONGAN**

**Baskaran Sankaran (Auditor)**

Fasih dalam Bahasa Inggeris dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan. Menjalankan pengauditan pihak ke-2 dan ke-3 untuk pelbagai industri lebih dari 15 tahun. Pengalaman pengauditan dalam ISO 18001 dan ISO 14001. Pengkhususan dalam pengauditan alam sekitar dan OHSAS

**Muhammad Syafiq (Auditor)**

Beliau berkelulusan di dalam bidang pengurusan perladangan. Mempunyai pengalaman bekerja di sektor perladangan/kelapa sawit atau bidang yang setaraf dengannya dan berkemahiran dalam bidang Amalan Baik Dalam Pertanian (GAP) termasuk bidang Kawalan Serangga Perosak Bersepadu (IPM). Ketua juruaudit terlatih dalam ISO9001:2008 QMS dan mula terlibat dalam pengauditan RSPO sejak 2014. Fasih berbahasa Melayu.

**Selvanathan Grapragasem (Auditor)**

Pengalaman kerja dalam bidang sektor minyak kelapa sawit dan juruaudit pakar dalam SA 8000, QMS, EMS & OHSAS Lead Auditor. Pengalaman dalam Pengauditan Sosial dalam pelbagai industri. Memahami dan fasih bahasa tempatan.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini. Sila sertakan maklumat berikut jika kami perlu untuk menghubungi anda untuk mendapat penjelasan mengenai apa-apa isu-isu yang dibangkitkan:

Nama : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

E-Mel : \_\_\_\_\_

Nombor Telefon : \_\_\_\_\_

Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Kami berterima kasih atas penyertaan dan maklum balas.

Yang benar,



---

Simon Selvaraj  
**Program Manager,**  
Control Union Malaysia Sdn Bhd